

# UMS perlu miliki pembangunan modal insan: Juhar

Tracy Patrick DE 22-10-2012 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mesti mempunyai pembangunan modal insan dan sumber manusia menyeluruh bagi menyokong hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi masa depan yang berpengetahuan dan bijak, dan menyedari nilai kebangsaan mereka.

“Penghasilan modal insan dengan ciri-ciri ini amat perlu memandangkan abad ke-21 yang dipenuhi cabaran dan ketidakpastian,” kata Yang di-Pertua Negeri dan Canselor UMS Tun Juhar Mahiruddin (**gambar**) di majlis Konvokesyen UMS ke-14 di sini, Sabtu lalu.

Juhar berkata negara yang tidak mempunyai kebijaksanaan modal insan yang tinggi serta nasionalisme tersendiri tentu runtuh dan gagal.

“Setiap insan di UMS mesti bekerjasama dan melakukan usaha gigih untuk memastikan hasrat negara dapat dicapai dengan padu. Kita harus menyokong penuh agenda transformasi negara untuk memastikan falsafah jelas dan tersirat agenda ini menjadi realiti,” katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Naib Canselor Datuk Mohd Harun Abdullah yang menjadi Naib Canselor Keempat universiti pada Jun tahun ini.

“Saya berharap di bawah kepimpinan beliau, UMS akan terbang lebih tinggi dan mencapai lebih banyak,” katanya.

Sementara itu, Juhar juga mengucapkan tahniah kepada graduan dan menasihatkan mereka bahawa majlis itu hanya langkah awal bagi mereka yang membuka dunia lebih luas di luar universiti.

“Ijazah yang anda pegang itu hanya sebahagian yang diperlukan untuk meraih pencapaian lebih besar di masa depan. Kebolehan menyesuaikan diri anda serta



menerapkan pengetahuan anda pelajari amat penting untuk memastikan kejayaan berterusan dalam usaha anda bersaing dalam pasaran pekerjaan.

“Anda mesti sedar globalisasi mengubah cara kita berfikir, berhubung dan bertindak balas. Semua ini memerlukan ketahanan fizikal dan mental,” katanya.

Juhar turut mengingatkan pelajar bahawa sifat baik tidak bermakna pelajar mesti rela dibuli kerana maruah harus ditegakkan sepanjang masa.

“Sikap dan kepetahan anda berkata-kata dan bertindak mesti dipupuk dan ditampilkkan menurut asuhan agama sendiri. Dalam konteks lain, kajian telah menunjukkan bahawa kriteria penting untuk pekerjaan ialah pengalaman, etika serta penguasaan bahasa asing khususnya Bahasa Inggeris.

“Jika kita mahu maju dalam era globalisasi ini, kita mesti berinteraksi dengan kaum lain dan menguasai bahasa asing adalah kunci kemajuan ini,” kata beliau.

Sejumlah 4,336 pelajar menamatkan pengajian mereka di universiti itu tahun ini. Dua puluh empat pelajar tamat program PhD mereka, sementara 277 dianugerahkan ijazah Sarjana dalam pelbagai bidang.

Empat pelajar dianugerahkan diploma pascagradyuan, 55 diploma perubatan, 3,948 sarjana muda dengan 265 pelajar luar kampus, dua pelajar dari Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan dan 23 guru dianugerahkan ijazah melalui Program Ijazah Perguruan. Ijazah anumerta dianugerahkan kepada dua pelajar yang meninggal sebelum majlis konvokesyen itu.

Sejumlah 60 pelajar dianugerahkan ijazah sarjana muda kelas pertama dari pelbagai sekolah.